

# Kawal nafsu ketika ke Haadyai — PM

UM 27 MAY 2000

Oleh MOHD KAMIL YUSUFF

JITRA 26 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat negara ini yang melancong ke luar negara supaya mengawal nafsu dan tidak melakukan aktiviti yang boleh mendedahkan diri mereka kepada sesuatu penyakit.

Beliau menegaskan, kerajaan tidak menghalang rakyat negara ini melancong ke luar negara termasuk Thailand, tetapi mereka perlu menjauhkan diri daripada terlibat dengan perempuan-perempuan yang boleh mendatangkan jangkitan virus HIV kepada mereka.

Katanya, mereka boleh melawat negara-negara luar sama ada

untuk membeli-belah atau berjalan-jalan tetapi dalam masa yang sama mengelakkan diri daripada terlibat dalam aktiviti yang boleh memburukkan diri dan orang lain.

“Saya dukacita ramai rakyat negara ini pergi ke Haadyai semata-mata mahu berseronok. Saya minta orang kita kalau nak pergi ke negara luar, jangan buat kerja buruk itu. Banyak cara lagi kalau nak berhibur,” ujarinya.

Dr. Mahathir yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu menegaskan demikian ketika berucap di majlis mesra dengan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) kawasan Parlimen Kubang Pasu, di sini, hari ini.

Beliau juga mengingatkan rak-

yat negara ini supaya sayangkan nyawa mereka dan kesihatan anak isteri serta tidak menggadai nyawa untuk keseronokan yang sekejap itu.

“Saya khuatir, apabila mereka yang ke luar negara dan terlibat dengan aktiviti buruk itu balik ke negara ini, mereka akan membawa sama kuman HIV yang kemudiannya akan menjangkiti anak, isteri dan orang lain,” katanya.

Dalam sidang akhbar kemudiannya, Perdana Menteri berkata, mereka yang ke Thailand mendedahkan diri kepada virus tertentu dan kemudian menderma darah tanpa mengetahui mereka telah dijangkiti virus.

“Mereka ini adalah berisiko

■ Lihat muka 4

# Kawal nafsu ketika ke Haadyai — PM

UM 27 MAY 2000  
tinggi. Mereka sepatutnya memberitahu telah dijangkiti virus tertentu dan kita tidak akan menggunakan darah yang didermakan itu,” ujarinya.

Dalam pada itu Dr. Ma-

hathir dukacita dengan kehairahan akhbar menyiarkan nama dan gambar seorang mangsa yang menerima darah dicemari HIV di Jitra baru-baru ini kerana ia telah menggang-

gu ‘kebebasan’ mangsa tersebut.

Mengenai sikap pengu- rusan Hospital Jitra yang mengakui kesilapan menyuntik darah yang dice- mari HIV itu, Dr. Ma-

hathir memuji tindakan tersebut sambil menyifat- kannya sebagai sesuatu yang baik.

“Bagus, mereka menga- kui secara terbuka kesa- lahan yang dilakukan,” ujarinya.